

UTUSAN MALAYSIA 30/06/2014

# Sekolah premier dibatal jika tidak capai prestasi



AHMAD Razif Abdul Rahman (dua dari kiri) menyempahkan Hadiah Khas Prihatin Menteri Besar kepada Mohd. Danial Zainuddin semasa Majlis Penyempahan Hadiah Kecemerlangan Pelajar Yayasan Terengganu Ke-35 di Gong Badak, Terengganu, kelmarin.

KUALA TERENGGANU 29 Jun - Mana-mana sekolah premier di negeri ini yang gagal mencapai tahap kecemerlangan sebagaimana ditetapkan akan dibatalkan statusnya dan digantikan dengan sekolah lain.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, kerajaan negeri tidak teragak-agak mengambil tindakan tersebut bagi memastikan pengiktirafan yang diberikan menepati status sebenar.

Katanya, usaha itu selaras hasrat kerajaan untuk menaik taraf sekolah premier dalam kalangan sekolah biasa setanding sekolah berasrama penuh (SBP).

“Sekolah premier ini boleh berubah-ubah, kalau ada dalam kalangannya yang tidak capai sasaran, kita akan turunkan status sekolah itu kepada sekolah biasa,” ujarnya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau menyatakan demikian selepas menyempahkan Hadiah Kecemerlangan Pelajar Yayasan Terengganu Ke-35 kepada calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Kompleks Sukan negeri, Gong Badak.

Yang hadir sama, Pengerusi

Jawatankuasa Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Tugas-tugas Khas negeri, Ghazali Taib; Pengarah Yayasan Terengganu, Mohamad Sulong serta Ketua UMNO Bahagian Kuala Terengganu, Datuk Mohd. Sabri Alwi.

Seramai 2,402 pelajar cemerlang dalam Parlimen Kuala Nerus dan Kuala Terengganu menerima hadiah wang tunai yang keseluruhannya berjumlah RM630,550 itu.

Razif memberitahu, kerajaan negeri akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyediakan modul bagi memperkasakan lagi sekolah premier termasuk melaksanakan projek yang digunakan pakai di sekolah berasrama penuh (SBP).

“Projek itu nanti dijangka berkonsepkan SBP, kita mungkin akan beri tuisyen, menaik taraf kelas dengan sistem teknologi dan memberikan insentif,” katanya.

Dalam majlis itu, Ahmad Razif turut menyempahkan Hadiah Khas Prihatin Menteri Besar kepada pelajar autisme, Mohd. Danial Zainuddin, 19, yang memperoleh 10A, 1B dalam peperiksaan SPM tahun lalu.

Ahmad Razif berkata, kejayaan Mohd. Danial itu merupakan satu kebanggaan sekali gus mengisytiharkan remaja itu sebagai anak angkat kepada Menteri Besar.